

Usah terlalu bergantung kepada Kerajaan Pusat

7 AUG 1991

JITRA, Selasa - Kerajaan negeri perlu mengurangkan sikap terlalu bergantung kepada Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan projek pembangunan di negeri masing-masing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kerajaan tidak dapat memenuhi semua permintaan kerajaan negeri kerana hasil pendapatan kerajaan tidak begitu banyak bagi membolehkannya berbuat demikian.

Oleh itu, katanya, negeri yang mempunyai banyak sumber pendapatan perlu mengu-

rangkan permintaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan yang lebih kepada negeri lain yang memerlukan.

Bercakap kepada pemberita sewaktu melawat Kubang Pasu petang ini, Perdana Menteri berkata, walaupun pertumbuhan ekonomi pesat, iaitu lebih sembilan peratus setahun, pertumbuhan hasil kerajaan hanya dua peratus.

Menurutnya, kerajaan juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan banyak bagi menyediakan infra-

struktur berikutan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat.

"Mengikut anggaran, bagi setiap \$1 wang dilaburkan, kerajaan perlu membelanjakan 10 peratus atau 10 sen lagi bagi menyediakan kemudahan infrastruktur.

"Malangnya pendapatan kerajaan menerusi hasil kutipan cukai tidak meningkat bagi membiayai perbelanjaan tambahan infrastruktur dan ini menjadi satu masalah kepada negara,"katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan bersedia menambah peruntukan jika negeri yang berpendapatan

rendah memerlukan-nya.

Mengenai kenaikan gaji kakitangan kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Cuepacs sudah diberitahu bahawa kerajaan memerlukan masa bagi membuat kajian mengenainya.

Menurutnya, kakitangan kerajaan perlu bersabar kerana pendapatan negara sebenarnya tidak meningkat seperti pertumbuhan ekonomi.

"Kerajaan juga tidak dapat melayani semua permintaan, tetapi akan berusaha mencari jalan meningkatkan pendapatan negara,"katanya.